

دولت کماوہ دولی توان ڈاتیق

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK



KELUARAN KHAS



SEMPENA SAMBUTAN
ULANG TAHUN
HARI KEPUTERAAN KEBAWAH
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KE- 74



KELUARAN RABU
15 JULAI 2020



Oleh : Sastra Sarini Haji Julaini
Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Kementerian
Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan



DAERAH Temburong, terkenal dengan buminya yang hijau, malahan terkenal dengan gelaran 'Permata Hijau', merupakan salah satu khazanah dunia dalam melestarikan kehijauan alam semula jadi di bumi ini.

Mempunyai keluasan kira-kira 1,306 km per segi, daerah ini secara fizikalnya terletak di utara Negara Brunei Darussalam dan terpisah dari daerah-daerah lain dengan bersempadan negara jiran iaitu Limbang, Sarawak dan juga Teluk Brunei. Manakala menurut Laporan Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun 2019 oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, jumlah penduduk di Daerah Temburong adalah seramai 11,400 orang.

Namun walaupun dari segi kedudukan ia terpisah dari ibu negara dan daerah-daerah lain, ia tetap diberikan perhatian sama rata seperti daerah-daerah lain. Malahan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam membuktikan perkara ini dengan terbinanya Jambatan Penghubung di antara Daerah Brunei dan Muara (DBM) dengan Daerah Temburong.

Dengan peletakan batu asas pada 16 Januari 2016, jambatan penghubung ini merupakan salah satu projek mega yang dianggarkan mempunyai kepanjangan 30 kilometer dan menjadi penghubung ke Jalan Utama Mentiri di DBM dan Jalan Labu Estet di Daerah Temburong merentasi Teluk Brunei.

Pelaksanaan projek ini jelas membuktikan keprihatinan Kerajaan Kebawah DYMM serta mengambil berat dan sikap pemedulian akan keperluan rakyat dan penduduk di negara ini. Dengan terbinanya jambatan penghubung ini juga diharap akan terus menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara yang mantap dan berdaya saing serta dalam masa yang sama, ia juga memastikan kemajuan luar bandar yang inklusif seiring dan menyeluruh.

Pembinaan jambatan ini sudah menampakkan manfaat besar kepada rakyat di negara ini terutama apabila negara dilanda wabak COVID-19. Dengan kedudukan fizikalnya, dan ditambah lagi dengan kebanyakan negara-negara menutup sempadan disebabkan untuk membendung penularan wabak COVID-19, pihak kerajaan membuka sementara jambatan penghubung ini bagi memudahkan pergerakan penduduk terutama di Daerah Temburong ke daerah-daerah lain dan sebaliknya, sama ada untuk urusan peribadi mahupun rasmi. Ia sememangnya memudahkan dan memberi jaminan kemaslahatan semua pihak dijaga dengan sebaiknya.

Berkata mengenai kemajuan, Kebawah DYMM pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-16 Majlis Mesyuarat Negara bertitik bahawa baginda telah memperkenankan penubuhan Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT) bagi tujuan menjana aktiviti perekonomian serta meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di daerah ini.



Pastikan kemajuan luar bandar inklusif, seiring, menyeluruh

Objektif AKDT adalah untuk merancang, memantau dan memberi panduan terhadap projek-projek pembangunan di Daerah Temburong yang akan dapat memudahkan dan meningkatkan pelaburan dan pada masa yang sama, menyediakan peluang-peluang spin-off dari projek-projek pembangunan kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana dan juga menjana peluang-peluang pekerjaan baharu. Antara projek-projek yang dikenalpasti termasuklah projek-projek sektor eko-pelancongan, pertanian, pembuatan dan kebudayaan.

Melalui AKDT, pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) bergiat aktif dalam mengenal pasti projek-projek yang boleh menaikkan lagi status Temburong sebagai 'Permata Hijau' iaitu termasuk projek-projek pelancongan yang memelihara sumber daya alam dan menggunakan teknologi rendah karbon yang memerlukan penglibatan pelabur-pelabur dari dalam dan luar negara yang mempunyai taraf kepakaran yang tinggi.

Justeru pada 6 Januari 2020, satu Majlis Penandatanganan Kontrak di antara Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan bersama Eco - Green Development Sendirian Berhad dan Sunshine Borneo Tours and Travel Sendirian Berhad diadakan.

Eco - Green Development Sendirian Berhad dilantik bagi projek pembangunan sebuah eco-resort di Kampung Perdayan, Temburong dan membaik pulih serta pengendalian Pejabat Daerah yang lama di Pekan Bangar. Projek ini bertujuan untuk mewujudkan elemen eco-resort mewah yang berintegrasi secara komprehensif bagi produk pelancongan yang mewah, lestari, selamat, boleh dipercayai, menarik serta berpatutan di kawasan Kampung Perdayan yang boleh dinikmati oleh para pengunjung sama ada dalam negara atau luar negara.

Bagi kerja-kerja membaik pulih Pejabat Daerah yang lama di Pekan Bangar adalah inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) oleh Eco-Green Development Sendirian Berhad, di mana syarikat tersebut juga akan mengendalikan dan menyelenggara bangunan, menyediakan pusat maklumat untuk pengunjung yang datang, mempamerkan ruang untuk masyarakat tempatan, di samping

mempamerkan dan menjual produk serta kraf tangan tradisional tempatan.

Sunshine Borneo Tours and Travel Sendirian Berhad pula dilantik bagi projek pembangunan sebuah pusat sungai di Kampung Batang Duri bagi tujuan membangun, membina dan menyelenggarakan pusat sungai yang mempunyai jadual waktu perkhidmatan ulang-alik temuoi dari Kampung Batang Duri ke taman yang dipercayai, di samping memastikan dan mengekalkan tahap piawai keselamatan untuk semua pelawat adalah tinggi pada setiap masa.

Pusat sungai itu akan menjadi kawasan menunggu yang selesa untuk pengunjung semasa mereka menunggu ketibaan temuoi dan akan mempunyai kemudahan-kemudahan, termasuk sebuah surau, kawasan untuk berwuduk, tandas dan bilik persalinan bagi kesesuaian para pengunjung.

Selain itu, pusat tersebut akan mempunyai ruang untuk penduduk tempatan mempamerkan produk, kraf tangan dan kebudayaan yang unik melalui kerjasama dan perkongsian beliau dan masyarakat di Temburong.

Sementara itu, Kementerian Tenaga melalui Bahagian Tenaga Lestari pada sekitar April 2020 memperkenalkan dua projek berhubung pelestarian tenaga - Projek Pemasangan Bumbung Solar 8KW Photovoltaic dan Program Audit Tenaga di Daerah Temburong.

Projek-projek ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan teknologi tenaga boleh diperbaharui dan juga untuk memastikan bahawa peluang penjimatatan tenaga dioptimumkan secara berhemah di Daerah Temburong. Projek-projek ini menyokong inisiatif dan pelan induk projek AKDT.

Projek pemasangan bumbung solar 8kW di kedai tiga tingkat di Bangunan Komersial Bumiputra apabila selesai, akan menjadi projek solar pertama yang diterajui oleh pihak kerajaan di Daerah Temburong, sekali gus menyokong konsep hijau daerah tersebut. Ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan Kementerian Tenaga untuk mengintegrasikan tenaga diperbaharui ke dalam gabungan penjanaan kuasa negara dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Pembinaan projek ini dimulakan pada awal April 2020 oleh kontraktor tempatan di mana sistem PV solar ini dianggarkan akan menghasilkan kira-kira 10,500 kWh setahun. Ini setara dengan pengurangan pelepasan karbon dioksida sekitar 2.838 kg setahun dan pengurangan penggunaan diesel sebanyak 4.200 liter setahun.

Ini adalah projek perintis untuk menguji pengaturan fotovoltaik suria untuk skema

pemeteran bersih yang dinanti, sebuah mekanisme yang membolehkan lebihan tenaga dari sistem atap fotovoltaik solar dieksport ke dalam grid.

Program Pengauditan Tenaga di bangunan kerajaan di Daerah Temburong juga dilancarkan pada Februari 2020. Ia dijalankan oleh Pengurus Tenaga dan Juruaudit Tenaga yang diperakui Kementerian dari Program Latihan dan Persijilan Pengurus Tenaga ASEAN di bawah Perkongsian Kecekapan Tenaga ASEAN-Jepun (AJEEP) skema.

Kesemua bangunan pejabat kerajaan di Daerah Temburong diharapkan memenuhi Indeks Kecekapan Tenaga (EEI) yang diamanatkan sebanyak 175 kilowatt jam per meter persegi setahun sebagai sebahagian daripada syarat di bawah Brunei Accredited Green Unified Seal (BAGUS) yang dihasilkan oleh Kementerian Pembangunan untuk dianugerahkan dengan Sijil Pengiktirafan Label Tenaga Bangunan (BEL).

Projek menaik taraf dan pembiasian Pekan Bangar juga adalah salah satu projek utama yang sedang giat dilaksanakan yang bertujuan bukan sahaja untuk mengukuhkan Pekan Bangar sebagai salah satu tempat tarikan pelancong tetapi juga menjadikannya sebagai pusat komersil bagi peniaga-peniaga tempatan.

Usaha-usaha ke arah kemajuan sudah setentunya akan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk Daerah Temburong. Ia memastikan pembangunan dan kemajuan yang seiring dan inklusif. Ia juga akan menjana lebih banyak aktiviti perekonomian di daerah tersebut yang tidak syak lagi akan menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara.

Dengan kepimpinan bijak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa berfikiran jauh dan berpandangan luas, segala perancangan yang dibuat dan perbelanjaan besar yang dikeluarkan untuk membantu pembinaan jambatan dan rancangan-rancangan Daerah Temburong jelas menggambarkan komitmen rasa kasih dan tanggungjawab baginda dalam memeduli kebijakan dan kesejahteraan seluruh rakyat dan penduduk ini.

Maka selaku rakyat dan penduduk di negara ini, kita patut bersyukur kerana mempunyai Ketua Negara yang adil, bijaksana, dan sangat memeduli akan hal ehwal rakyat. Bersatalah kita semua dan curahkan bakti ke arah memajukan negara yang kita cintai ini. Dengan kepimpinan baginda juga, semoga negara akan terus aman, damai dan harmoni dan terus dipelihara oleh Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin... Ya Rabbal Alamin...





Pembangunan untuk rakyat



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْقُرْآنُ كِتَابٌ
الْمُحَمَّدُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
شَهِيدٌ لِّلْأَوْلَادِ
كُلُّ مُحْمَّدٍ شَهِيدٌ لِّلْأَوْلَادِ

RAKYAT dan penduduk di negara ini dapat menikmati kesejahteraan hidup dengan pendekatan pembangunan negara yang terancang sejak dahulu lagi. Matlamat utama pembangunan negara adalah supaya rakyat mendapat faedah dan sama-sama dapat menikmati hasil daripada pembangunan tersebut.

Pembangunan negara terus berjalan seiring dengan arus globalisasi di mana anjakan paradigma ke arah pembangunan negara melalui Rancangan Kemajuan Negara telah menunjukkan kemajuan yang progresif ke arah Wawasan 2035.

Jambatan Penghubung Daerah Brunei-Muara Ke Daerah Temburong

Bagi memudahkan perjalanan ulang-alik penduduk berikut dengan penularan COVID-19 yang semakin membimbangkan di negara ini, jambatan penghubung Daerah Brunei dan Muara dengan Temburong telah dibuka kepada orang ramai bermula 17 Mac dari jam 6 pagi hingga 10 malam setiap hari.

Tanda kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan kepada seluruh rakyat baginda tidak dapat dinafikan. Baginda memahami kesukaran rakyat dan penduduk baginda yang tersekat perjalanan ke Daerah Temburong melalui Limbang. Berikutan penularan wabak COVID-19 di negara ini hingga menyebabkan terbatasnya perjalanan ke Daerah Temburong yang sebelum ini merentas sempadan maka alternatif lain hanyalah dengan pembukaan Jambatan Temburong bagi memudahkan aksesibiliti ke daerah tersebut dengan beberapa peraturan tertentu untuk keselamatan para pengguna jambatan tersebut.

Pasukan rondaan yang telah disediakan juga telah membantu mengawal perjalanan lalu lintas semasa Jambatan tersebut beroperasi. Had kelajuan dibenarkan ialah 80 km/jam bagi kenderaan biasa dan 65 km/jam bagi kenderaan komersial yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

Kenderaan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dalam kelas I, III, IV dan VI sahaja yang dibenarkan untuk menggunakan Jambatan ini. Walau bagaimanapun bagi kenderaan-kenderaan komersial yang

berdaftar di Negara Brunei Darussalam dalam kelas V, kebenaran hendaklah dipohonkan melalui Bridge Maintenance Office. Bagi kenderaan komersial pendaftaran asing dinaisahkan untuk menggunakan jalan yang dibenarkan oleh ASEAN Highway 150, ataupun AH150 (*designated route*) yang lazimnya digunakan pada masa ini. Penggunaan basikal di atas jambatan juga tidak dibenarkan untuk menggunakan jambatan tersebut.

Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Dalam melestarikan keunggulan ajaran Islam dan khazanah warisan yang memperkenalkan kebesaran dan kecemerlangan pengaruh Islam maka sebuah bangunan baharu telah dibina iaitu bangunan baharu dan kekal Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB). Bangunan ini mempunyai sembilan galeri termasuk Galeri Kebestarian Raja Mukmin, Galeri Al-Quran Al-Karim, Galeri Al-Anbiya, Galeri Sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Galeri Warisan Ilmu, Galeri Al-Aqsa dan Al-Haramain, Galeri Penciptaan Manusia dan Alam Semesta dari Perspektif Islam dan Sains, Galeri Merungkai Misteri Alam Semesta dan Galeri Kesenian Islam.

Bangunan kekal BKISHHB ini akan menjadi salah satu mercu tanda atau 'landmark' bagi Negara Brunei Darussalam, di samping menjadi gedung khazanah warisan ilmu sebagai tanda kepimpinan intelektualisme seorang Raja Mukmin. Ini hanyalah sebahagian kecil pembangunan yang dilaksanakan semata-mata untuk kepentingan rakyat baginda.

Bangunan Tambahan Makmal Rujukan Virology Kebangsaan

Tahun 2020 setentunya merupakan tahun yang mencabar bukan sahaja bagi negara kita bahkan bagi seluruh dunia. Pandemik COVID-19 memberikan impak yang besar sehingga membuatkan dunia menjadi kucar-kacir. Bilangan pesakit yang dijangkiti semakin bertambah sehingga memerlukan kos yang besar dalam menangani wabak tersebut. Di negara kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan bagi Pembinaan bangunan tambahan Makmal Rujukan Virology Kebangsaan di Kampung Sumbiling, Bandar Seri Begawan yang bertujuan untuk menambah kapasiti dan mempercepatkan proses ujian makmal bagi COVID-19 di negara ini. Antara kemudahan yang terdapat di makmal

tersebut ialah Sample Reception, Reagent Preparation, Sample Preparation, Amplification Area, Medical waste Room dan lain-lain lagi

Proses pembinaan yang menelan belanja jutaan ringgit ini merupakan projek pembinaan yang terpantas di negara ini yang mana bangunan tersebut siap dalam masa dua minggu sahaja. Jelas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk memastikan rakyat baginda sentiasa dalam keadaan sihat dan selamat daripada virus tersebut.

Bangunan Pusat Pengasingan Kebangsaan Baharu

Sebuah bangunan lagi yang dibina ialah bangunan Pusat Pengasingan Kebangsaan Baharu, Tutong. Bangunan Pusat Pengasingan Kebangsaan baharu ini telah mula dibina pada 27 Mac 2020 dan siap dibina pada 23 April 2020. Tujuan utama pembinaan bangunan baru ini adalah sebagai respons pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya keperluan Kementerian Kesihatan dalam menampung rawatan dan pemantauan pesakit-pesakit yang dijangkiti COVID-19 di negara ini.

Bangunan ini dibina di atas tapak berukuran lebih 6000 meter persegi, berdekatan dengan Pusat Pengasingan Kebangsaan yang ada sekarang, yang mana kos pembinaan secara keseluruhan adalah sebanyak BND11,317,514.00. Bangunan baharu ini mengandungi tujuh blok-blok utama, yang mana lima blok (blok A - E) adalah bagi rawatan pesakit-pesakit yang memenuhi ciri-ciri keperluan yang lazimnya untuk setting klinikal; dan dua blok (blok F - G) adalah bagi pentadbiran dan kejuruteraan.

Bangunan Pusat Pengasingan Kebangsaan baharu ini dilengkapi dengan peralatan-peralatan perubatan baharu dan mempunyai beberapa fasilitet dan kemudahan termasuklah wad-wad pengasingan, katil-katil bagi rawatan intensif. Di samping itu, ciri-ciri keselamatan juga dipertingkatkan di bangunan baharu ini demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan pegawai dan kakitangan yang bertugas di bangunan berkenaan.

Perumahan Negara

Dalam usaha-usaha untuk memberikan

perumahan kepada semua rakyat dan penduduk di negara ini, beberapa projek perumahan melalui skim-skim perumahan telah diadakan dan diteruskan sehingga sekarang memandangkan kepada permintaan yang sentiasa meningkat berdasarkan pertambahan penduduk dari semasa ke semasa.

Rakyat dan penduduk di negara ini setentunya mempunyai harapan dan cita-cita untuk melihat pembangunan di negara ini akan terus dilaksanakan dan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang maju dengan rakyat yang berpendidikan dan mampu bersaing di peringkat dunia antarabangsa berkat kepimpinan raja kita yang sentiasa mengutamakan kebajikan rakyat.


Pembukaan Jalan Baharu Yang Menghubungkan Sekolah Arab Rimba

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat pelbagai inisiatif bagi kemudahan rakyat dan penduduk di negara ini. Dengan adanya prasarana yang mencukupi, keselesaan rakyat dan penduduk di negara ini terjamin. Beberapa jejabat dan jalan raya baharu, di samping kerja-kerja menaik taraf jalan raya serta pemuliharaan jalan-jalan raya sedang giat dilaksanakan pada masa ini.

Bagi orang ramai terutama kepada para pengguna jalan raya di kawasan berkenaan, pembukaan jalan baharu yang menghubungkan Sekolah Arab Rimba yang bermula dari pusing keliling Kampung Rimba merupakan satu kemudahan yang dinanti-nanti kerana jalan raya sebelum ini yang biasa digunakan sering mengalami kesesakan jalan raya. Pembukaan jalan tersebut telah dibuka kepada orang ramai pada 1 Januari 2020.

Kesimpulan

Sikap prihatin dan pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap rakyat dan penduduk di negara ini tidak dapat dinafikan. Baginda akan tetap mencari jalan terbaik untuk kemaslahatan rakyat jelata jika ditimpak sesuatu masalah. Dengan pembangunan yang diungkayahkan, rakyat seharusnya bersyukur kerana dikurniakan pemimpin yang berjiwa rakyat.





Kemaslahatan, keselamatan diutamakan

DALAM menjalankan dan melaksanakan tugas, sepastinya kita dituntut untuk melaksanakannya dengan bersih, jujur, amanah, cekap, cepat, dan tepat. Selain itu, hasil dan mutu kerja juga perlu dilaksanakan secara titih, lutanan, dan menghargai masa.

Ilmu, kreatif dan inovatif hendaklah dicurahkan dalam pekerjaan, di samping dilaksanakan dengan iltizam, keterbukaan dan akauntabiliti. Dalam pelaksanaan tugas berkenaan hendaklah bersabar, tabah dan bersopan santun agar ia dapat lagi meningkatkan produktiviti dan daya saing penghasilan kerja kita.

Keperibadian turut dititikberatkan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan, antaranya Qudwah dan Qiadah dalam kepimpinan, manakala perlu menerapkan setia kawan, syura dan bermuafakat dalam menjayakan tugas sesama dalam mencari keberkatan.

"Para pemimpin yang berjiwa besar dalam Perkhidmatan Awam, perlu lebih peka terhadap orang bawahan mereka. Tugas dan tanggungjawab mereka bukan sekadar menjadi ketua di dalam jabatan atau bahagian atau unit, tetapi juga bersedia untuk memberikan tunjuk ajar atau bimbingan kepada orang bawahan jika mereka itu berhadapan dengan sebarang kesulitan. Inilah namanya keprihatinan pemimpin terhadap anak buah."

Di samping mempunyai sifat timbang rasa, pemimpin juga tentunya memiliki kelebihan-kelebihan lain seperti ilmu dan pengalaman", titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga turut bertitah, "Warga Perkhidmatan Awam yang baik ialah mereka yang berkhidmat dengan jujur dan amanah, bukan yang cekap tetapi curang. Kecekapan tidak akan bernilai apa-apa jika ia digunakan untuk menganiaya manusia. Kalau siapa diberikan kuasa, maka kuasa itu adalah amanah, tidak boleh digunakan sewenang-wenang, seperti untuk kepentingan diri sendiri atau untuk menjelaskan orang lain, sekalipun yang terjejas itu hanya sekadar 'nama baik' sahaja.

Jangan dik kerana kepentingan diri semua ciri yang perlu ada diaibaikan begitu sahaja. Jangan kerana dik mahukan pujian dan kecemerlangan di mata sesama, orang yang berhak diketepikan dan dipandang seperti tidak bernilai begitu sahaja. Jangan sia-siakan permata yang ada, jangan dilakukur dengan kilauan kaca, hingga segala potensi yang ada bakal luput dimakan masa, musnah dengan kehilangan permata yang berharga dik termakan kata-kata manis di bibir semata.

Sama-sama kita membentulkan niat kita melaksana tugas dan tanggungjawab semata-mata kerana Allah jua, jangan dicampur dengan niat yang kurang tepat dan molek sewenangnya. Keperluan semasa jangan dibiarakan hingga meluputkan peranan yang perlu digalas dan diterapkan jua.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga turut bertitah, "Warga Perkhidmatan Awam yang baik ialah mereka yang berkhidmat dengan jujur dan amanah, bukan yang cekap tetapi curang. Kecekapan tidak akan bernilai apa-apa jika ia digunakan untuk menganiaya manusia. Kalau siapa diberikan kuasa, maka kuasa itu adalah amanah, tidak boleh digunakan sewenang-wenang, seperti untuk kepentingan diri sendiri atau untuk menjelaskan orang lain, sekalipun yang terjejas itu hanya sekadar 'nama baik' sahaja.

Ini adalah penting. Beta tidak mahu di dalam Perkhidmatan Awam ada orang yang menyalah-gunakan kuasa, atau tukang-tukang cipta fitnah. Ini semua, tidak mendatangkan sebarang kebaikan, melainkan sebaliknya banyak mengundang kepada keburukan. Perkhidmatan Awam mesti bersih daripada semua ini, barulah negara dan Kerajaan akan beroleh berkat.

Beta pernah mendorong supaya mengamalkan semangat berpasukan, lebih-lebih lagi bagi warga Perkhidmatan Awam, kerana kerja-kerja yang dibuat secara berpasukan itu boleh mendatangkan lebih kebaikan. Tetapi apabila disebut berpasukan, ia bukanlah satu 'pakatan', dalam makna komplot atau kronisme. Komplot atau kronisme biasanya

mempunyai ketua untuk mengontrol ahli-ahli kumpulan berkenaan, tetapi pasukan bukan begitu. Sifat pasukan adalah semata-mata muafakat dan mesyuarat. Semua ini perlu dibezakan," titah sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-24 pada Rabu, 3 Rabiulawal 1439 bersamaan 22 November 2017.

Jangan kita hanya memikirkan diri sendiri sahaja, padahal Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui pihak yang berkenaan telah memberikan kelonggaran bagi waktu bekerja melalui Business Continuity Plan (BCP) kementerian atau jabatan masing-masing apabila negara dilanda dengan penularan wabak COVID-19 baru-baru ini, iaitu demi menjaga kemaslahatan warga PA dalam melaksana tugas dalam keadaan sihat, selamat dan terjaga sentiasa.

Selain itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui pihak berkenaan turut memberikan kelonggaran kepada mereka yang dikategorikan dalam kategori *vulnerable* untuk melaksanakan tugas mereka dari rumah (*work from home*) demi menjaga kebijakan, kesejahteraan dan keselamatan mereka dan keluarga.

Di samping itu, pada bulan Ramadan, pihak berkenaan turut mengurangkan waktu bertugas kepada hanya enam jam sahaja, demi memberikan peluang kepada warga PA melaksanakan ibadah berpuasa bersama keluarga, mengisinya dengan amalan-amalan yang disarankan oleh agama di rumah bersama keluarga dan memberikan peluang kepada mereka meraih keberkatan, kelebihan dan fadilat semasa bulan Ramadan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui beberapa pihak berkenaan turut melaksanakan pelan *de-escalation* apabila situasi penularan wabak COVID-19 dijangkakan sudah mulai reda di negara ini. Ini juga adalah bagi kebaikan, kesejahteraan juga kebijakan pelbagai pihak, terutama para pekerja, pengunjung dan penduduk negara ini, selain mematuhi nasihat yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan mengenai wabak berkenaan.

Dalam pada itu, kita selaku warga PA turut mematuhi dan mengaplikasikan mana-mana arahan yang ditetapkan, seperti penjarakan sosial dan penjagaan kebersihan diri selalu, selain mengelakkan perhimpunan berlaku hingga melaksanakan mesyuarat melalui

penjarakan sosial jika bersua muka dan melalui perkhidmatan dalam talian, seperti Zoom, WhatsApp, Video Call, Skype dan sebagainya dalam memastikan tugas tetap dilaksanakan seperti kebiasaannya walaupun dilanda wabak.

Inilah antara usaha kita dalam memastikan Business as Usual dapat dilaksanakan semasa penularan wabak melanda di dalam juga luar negara. Lain negara lain caranya. Bagi negara kita, tetap menitikberatkan kemaslahatan dan keselamatan warga perkhidmatannya juga semua rakyat dan penduduk negara ini hingga pindaan turut diperkenankan bagi Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204) juga peraturan-peraturannya, iaitu Infectious Diseases (Amendment of Schedule) Notification, 2020; dan Infectious Diseases (Quarantine Amendment) Regulations, 2020, seperti yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Khamis, 12 Mac 2020 lalu.

Oleh itu, tugas kita selaku penjawat PA adalah untuk sama-sama mematuhi segala undang-undang yang digariskan dan saranan atau nasihat dipatuhi dalam menjalankan mahupun melaksanakan tugas yang diamanahkan seperti biasa, walaupun terdapat beberapa perubahan yang baharu diperkenalkan dan menjadi norma baharu dalam melaksanakan tugas kita kepada agama, bangsa dan negara yang tercinta.

Semua nasihat dan saranan berkenaan pastinya adalah titah perkenan daripada raja kita yang berdaulat lagi bijaksana dalam memastikan kemaslahatan dan keselamatan warga PA tetap diutamakan, terutama kepada para barisan hadapan negara yang bukan hanya berhadapan dengan bahaya, bahkan segala kemungkinan yang ada demi menabur bakti dan kebaikan semua.

Raja berdaulat raja bijaksana, disayangi dikasih oleh seluruh lapisan rakyat jelata, kemaslahatan dan keselamatan penduduk tetap diutamakan, mana yang memerlukan dihulur bantuan sentiasa, mana yang kekurangan akan dibantu sama, mana yang penting tetap diutamakan jua. Daulat Kebawah Duli Tuan Patik! Sémoga kekal karar memerintah negara di atas singgahsana dan sentiasa dalam rahmat juga lindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua, Amiin Yaa Rabbal Aalamiin.



Kukuhkan kerjasama antarabangsa

Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani
Foto : Jabatan Penerangan

DALAM hubungan antarabangsa Negara Brunei Darussalam (NBD) amat komited memupuk dan mengeratkan perpaduan menerusi hubungan dua hala dan berbagai-bagai hala selaras dengan prinsip negara, menghormati perpaduan dengan negara sahabat dan juga antarabangsa.

Tatkala dunia sekarang berdepan pandemik COVID-19, NBD tidak ketinggalan saling berhubungan dengan negara sahabat dan rakan dialog bagi membincangkan amalan-amalan terbaik bagi pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit yang baharu dan akan muncul semula.

Dalam hubungan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku tonggak negara dan juga kerajaan baginda, tidak ketinggalan bersama-sama para pemimpin negara berkenaan membincangkan isu yang dihadapi pada masa kini menerusi persidangan secara dalam talian.

Semasa menyertai para pemimpin ASEAN pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-36 menerusi Persidangan Video, yang berlangsung dari Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman pada 26 Jun lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia antara lain bertitah bahawa ASEAN telah berjaya menangani banyak cabaran melalui kerjasama rapat sambil mengutamakan rakyatnya dalam perspektif serantau, dan kerjasama ini perlu diteruskan lagi dalam menghadapi pandemik COVID-19.

Berhubung rancangan pemuliharaan daripada COVID-19, baginda menekankan bahawa ASEAN harus mengutamakan inisiatif-inisiatif dalam segera mengatasi kesan COVID-19, seperti memudahkan sekatan di antara negara-negara anggota dengan mengembangkan modaliti seluruh rantau yang boleh dimulakan secara dua hala bagi membina keyakinan nasional serta keyakinan pelbagai hala dalam ASEAN.

Perkara ini akan membolehkan penggiatan semula ekonomi serantau dengan mendahulukan pergerakan profesional bagi memastikan perkhidmatan-perkhidmatan penting dapat diteruskan, di samping memastikan pergerakan barang sentiasa terbuka dan

rantaian bekalan tetap terjalin; dan memperdalam integrasi ekonomi bagi meningkatkan perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN.

Kebawah DYMM juga amat menitikberatkan kemajuan rakyat dan penduduk di rantau ini khususnya negara ASEAN yang mana dalam titah baginda pada Persidangan Video bagi Sidang Kemuncak Khas ASEAN mengenai Wabak COVID-19 bersama para pemimpin ASEAN pada 14 April lalu, menekankan bahawa pada waktu yang sukar ini, amatlah penting bagi ASEAN bekerjasama untuk memastikan aktiviti ekonomi yang berterusan dan juga belajar daripada krisis ini agar lebih bersedia untuk menghadapi kecemasan kesihatan masa hadapan dan kerjasama merentasi semua tumpuan komuniti perlu ditingkatkan untuk menguatkan kedayatahanan ASEAN.

Baginda turut menekankan bahawa perpaduan ASEAN kini lebih diperlukan dalam menghadapi cabaran baharu yang dibawa oleh COVID-19 dan saling melengkapi usaha masing-masing, serta berkongsi maklumat, pengalaman dan langkah yang diambil adalah penting untuk memperkuatkan lagi kerjasama ASEAN dalam mengawal penularan pandemik di rantau ini.

Di samping itu, baginda turut bertitah menjelaskan bahawa kepentingan

pengurusan maklumat awam untuk mengelakkan panik dan mengatasi berita palsu.

Pada persidangan itu, para pemimpin ASEAN meluluskan cadangan ke arah menangani wabak COVID-19, termasuk penubuhan dana tindak balas ASEAN ke atas COVID-19; mewujudkan garis panduan yang seimbang sebagai tindak balas kepada kecemasan kesihatan awam; meningkatkan perhubungan dan kerjasama bagi menangani berita palsu; mengurangkan kesan ekonomi akibat COVID-19; meneruskan perlindungan sosial; dan membangunkan rancangan pemuliharaan pasca pandemik.

Manakala pada Persidangan Video Sidang Kemuncak Khas ASEAN Plus Three bersama para pemimpin ASEAN dan Negara-negara Plus Three, iaitu Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea pula, Kebawah DYMM bertitah menyatakan, kepentingan kerjasama erat di antara ASEAN dan Negara-negara Plus Three dalam menghadapi kecemasan kesihatan global tersebut.

Kebawah DYMM juga bertitah mengalui-alukan usaha dan kepakaran yang dihulurkan oleh Rakan Dialog, dan menyatakan bahawa kerjasama yang berterusan terhadap usaha tindak balas akan memastikan pendekatan yang selaras dalam menyekat pandemik di setiap negara, serta mencegah penyebarannya di rantau ini.



Baginda juga bertitah menggariskan bahawa keperluan untuk menangani kesan sosioekonomi akibat COVID-19, dan mencadangkan bagi menumpukan usaha kepada memastikan aliran barang dan perkhidmatan asasi tidak terjejas bagi mempertahankan keselamatan dan sumber pendapatan rakyat.

Selain mendukung integrasi ASEAN, baginda menyeru agar Negara-negara ASEAN Plus Three untuk mengembangkan peluang perdagangan dan pelaburan serantau ke arah meningkatkan kedayatahanan sejagat terhadap kecemasan pada masa akan datang, justeru mempercepat pertumbuhan ekonomi dan pemuliharaan pasca COVID-19.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan berkerjasama rapat dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) melalui perwakilan NBD di luar negara dalam memantau perkembangan penularan wabak COVID-19 di negara-negara yang telah dikenal pasti mempunyai para penuntut dari negara ini.

Berikutnya penularan wabak tersebut, Kementerian Pendidikan dengan nasihat dari Kementerian Kesihatan mengambil langkah tertentu bagi membolehkan penuntut di negara-negara seperti di Australia, New Zealand, Malaysia, Singapura, United Kingdom, Ireland, Amerika Syarikat, Kanada, Hong Kong, China serta lain-lain untuk dibawa pulang ke tanah air.

Selain itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) juga turut memainkan peranan mereka dalam sama-sama membawa pulang sebahagian pelajar yang menuntut di Mesir.

Dalam misi membawa pulang penuntut ini, NBD turut bekerjasama dengan negara sahabat misalnya bekerjasama membawa pulang rakyat Malaysia yang terkandas di Mesir pada Mac lalu.

Semasa proses membawa pulang tersebut, rakyat Malaysia yang terkandas di Mesir dibawa pulang menaiki pesawat sewaan khas kerajaan NBD dari Kaherah ke Bandar Seri Begawan yang turut membawa rakyat NBD yang turut terkandas.

Pesawat tersebut juga membawa rakyat Malaysia yang baru tiba dari Mesir bersama rakyat Malaysia yang terkandas di NBD untuk dibawa pulang ke negara mereka.

Pihak Suruhanjaya Tinggi Malaysia di NBD menghargai kerjasama yang diberikan oleh kerajaan NBD bagi bantuan dan memudahkan proses membawa pulang rakyat Malaysia tersebut.

Di samping pihak kerajaan juga menghargai sumbangan yang diberikan oleh agensi dan beberapa syarikat korporat dari Republik Rakyat China bagi sama-sama membantu langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah DYMM dan kerajaan baginda, hubungan erat NBD bersama negara sahabat akan sentiasa diperkuat dengan perkongsian dalam bidang keselamatan, kesihatan, ekonomi dan sebagainya khususnya pada masa ini, di mana setiap negara berdepan COVID-19. Usaha-usaha yang dilaksanakan ini adalah bagi kesejahteraan dan kemaslahatan rakyat dan penduduk negara masing-masing.



Mengutamakan ajaran Islam dalam pentadbiran kerajaan

ALHAMDULILLAH dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, Negara Brunei Darussalam dapat menikmati keamanan, kedamaian, kemakmuran, kedaulatan negara sentiasa terpelihara dan meningkat serta berkembang sebagai sebuah negara yang membangun dengan mengamalkan cara hidup berlandaskan ajaran agama Islam di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Di bawah pemerintahan baginda jua Negara Brunei Darussalam terkenal sebagai sebuah negara yang kuat mengamalkan dan mengutamakan ajaran-ajaran Islam sama ada dalam pentadbiran kerajaan mahupun dalam kehidupan sehari-hari rakyat dan penduduk agar menjadi sebuah Negara Zikir yang sentiasa mengingati dan mendahului Allah Subhanahu Wata'ala dalam apa jua tindak tanduk diambil.

Penyediaan Teks Doa Qunut Nazilah

Jika dilihat dalam konteks semasa, yang berlaku di seluruh dunia pada masa ini, Allah Subhanahu Wata'ala menguji semua manusia dengan pelbagai dugaan dan bencana serta wabak penyakit termasuk COVID-19 yang dihadapi oleh dunia termasuk negara kita. Namun, raja kita, tidak pernah alpa malahan semasa penularan wabak tersebut di negara kita, baginda mengajak rakyat dan penduduk agar sentiasa mengamalkan doa dan zikir serta meminta pertolongan daripada Allah Subhanahu Wata'ala bagi membendung penularan

COVID-19 seperti Titah Perutusan Sempena Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1441H / 2020M :

"Namun selaku orang Islam, kita juga mempunyai kelebihan tersendiri, iaitu digalakkan untuk menghadapi apa saja bencana, dengan doa. Maka marilah kita lakukan ia, lebih-lebih lagi, ketebulan pula dalam bulan Ramadan yang penuh berkat ini, di mana doa orang-orang berpuasa adalah sangat ampuh dan mustajab. Menyebut tentang kelebihan doa ini, beta teringat kepada doa dalam Qunut Nazilah yang dibaca pada hari Jumaat dalam Sembahyang Jumaat".

Pada menjunjung Titah Perutusan ini juga, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menyediakan Teks Doa Qunut Nazilah yang ringkas dan padat serta diedarkan kepada orang ramai. Ia dibaca untuk menolak kecelakaan, bala bencana atau bahaya yang menimpah umat Islam seperti ketakutan, kemarau, wabak penyakit dan seumpamanya.

Penerbitan Buku Panduan dan Teks Khutbah

Bagi kemudahan orang ramai, KHEU melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid mengambil inisiatif menerbitkan 'Buku Panduan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri' dan 'Teks Khutbah Hari Raya Aidilfitri Pertama dan Kedua' dengan cetakan khusus untuk orang ramai menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di kediaman masing-masing. Oleh kerana Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri tidak dilakukan seperti lazimnya di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara, sebanyak 15 ribu naskhah

'Buku Panduan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri' dan 15 ribu naskhah buku 'Teks Khutbah Hari Raya Aidilfitri Pertama dan Kedua' disediakan oleh KHEU serta diagihkan kepada orang ramai sempena bulan Syawal memandangkan Negara Brunei Darussalam berdepan dengan risiko penularan wabak COVID-19 pada masa itu.

Pembukaan Semula Masjid, Surau dan Balai Ibadat

Alhamdulillah, oleh kerana penularan COVID-19 di negara kita pada masa ini dalam keadaan terkawal, masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat telah pun dibuka semula setelah ditutup sementara pada 17 Mac yang lalu. Pada masa masa ini, pelonggaran kawalan bagi masjid, surau dan balai-balai ibadat telah pun memasuki Tahap Ketiga yang bermula 6 Julai 2020 yang lalu. Pada Tahap Ketiga ini, Jawatankuasa Takmir Masjid, surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara adalah dibolehkan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti takmir berkumpulan seperti membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Ratib Al-Attas. Begitu juga acara tazkirah ataupun kuliah, Tadarus Al-Quran dan pengajian kelas ugama. Namun begitu, aktiviti-aktiviti sedemikian hanya dibolehkan dengan keramaian tidak melebihi 50 orang bagi tempoh atau jangka waktu satu jam. Akan tetapi, Kelas Pengajian Al-Quran dan Muqaddam belumlah dapat diadakan pada Tahap Ketiga ini. Ia akan termasuk dalam Tahap

Keempat nanti. Oleh itu, pelaksanaan bagi mengendalikan Sembahyang Fardu Jumaat dan sembahyang fardu lima waktu hendaklah mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan

Zakat Fitrah Tetap Dilaksanakan

Mengenai pembayaran zakat pula, setiap tahun umat Islam di seluruh dunia begitu juga di Negara Brunei Darussalam akan melaksanakan tanggungjawab membayar zakat apabila bulan Ramadan, di mana lazimnya pembayaran zakat akan dilakukan di dalam dan pekarangan masjid. Namun, suasana tersebut agak berbeza pada tahun ini kerana masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat dibuka untuk pembayaran Zakat Fitrah dengan mematuhi garis pandu Kementerian Kesihatan, terutama penjaraan fizikal dan sosial di kawasan ruang legar atau beranda masjid sahaja. Jika sebuah masjid berkenaan tidak mempunyai ruangan sedemikian, maka satu ruangan lain di kawasan berhampiran masjid akan digunakan. Ini jelas menunjukkan bahawa betapa pentingnya pembayaran zakat itu untuk dilaksanakan sungguhpun negara kita masih lagi ada penularan pandemik COVID-19 pada masa itu.

Pemedulian Terhadap Golongan Yang Memerlukan Bantuan

Kerajaan Kebawah DYMM melalui kerjasama agensi-agensi kerajaan berkaitan, sentiasa berusaha memeduli, meringankan kesulitan dan kesusahan yang ditanggung oleh orang-orang susah, daif dan memerlukan bantuan, kesejahteraan dan kebajikan terutama bagi memenuhi hasrat mereka untuk mempunyai tempat kediaman yang selesa dan selamat untuk berteduh sentiasa diambil perhatian.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Bantuan Rumah Baharu kepada enam penerima yang diadakan pada bulan Mac yang lalu. Apa yang diharapkan, dengan adanya kemudahan ini dapat membantu meringankan beban dan tanggungan di samping memberikan keselesaan tempat tinggal dan kesempurnaan beribadah bagi penerima-penerima rumah bantuan tersebut. Perbelanjaan bagi pembinaan rumah-rumah tersebut adalah melalui peruntukan Kumpulan Wang Zakat Majlis Ugama Islam Brunei, Asnaf Fakir dan Miskin. Apa yang diharapkan, dengan adanya kemudahan ini dapat membantu meringankan beban dan tanggungan di samping memberikan keselesaan tempat tinggal dan kesempurnaan beribadah bagi penerima-penerima rumah bantuan tersebut.



Oleh : Pengiran Arsul Pengiran Haji Momin

Foto: Jabatan Penerangan



Keselamatan negara jadi keutamaan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat mengambil berat soal keselamatan dan kesejahteraan negara. Sepanjang pemerintahan dan kepimpinan baginda, negara berada dalam keadaan aman dan tenteram tanpa sebarang kekacauan yang boleh menggugat kelangsungan hidup. Segenap lapisan rakyat dan penduduk menikmati anugerah keamanan dan ketenteraman ini dengan penuh kesyukuran.

Bagi memastikan anugerah yang dinikmati ini terus terpelihara, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui agensi-agensi keselamatan seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan pasukan-pasukan keselamatan yang lainnya melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam meningkatkan lagi kawalan ketika negara berhadapan dengan ancaman wabak COVID-19. Usaha menangani penularan dan mengekang penyebaran COVID-19 di negara ini termasuklah operasi bersepdua dan memberikan sokongan serta bantuan tenaga kerja untuk melaksanakan tugas pengawalan.

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

Dalam usaha membantu Kementerian Kesihatan menangani penularan wabak COVID-19, pada 15 Februari lalu, ABDB telah mula memberikan bantuan pemeriksaan suhu badan di Pos Kawalan Imigresen dan Kastam (CIQ), Sungai Tujuh. Bilik Operasi COVID-19 dibuka bermula pada 12 Mac 2020 dan seterusnya penubuhan Kumpulan Bantu Task Force COVID-19 ABDB bagi menggantikan Bilik Operasi COVID-19 sejak 18 Mac 2020.

Misi utama Kumpulan Bantu Task Force COVID-19 ABDB adalah untuk memberikan bantuan logistik dan pentadbiran kepada Kementerian Kesihatan dalam menangani wabak COVID-19. Peranan utama Kumpulan Bantu Task Force COVID-19 ABDB terbahagi kepada dua bahagian iaitu memberikan bantuan pengangkutan dan mengkoordinasi bantuan tenaga kerja dan pentadbiran. Selain daripada bantuan pengangkutan, Kumpulan Bantu Task Force COVID-19, ABDB juga menjalankan beberapa tugas antara lain seperti:

Selaku Pegawai Perhubungan atau Liaison Officer (LO) di Pusat Operasi Kecemasan Kementerian Kesihatan (MOHEOC); Memberikan tenaga kerja dalam bantuan logistik sumbangan dan derma di Pusat Promosi Kesihatan (HPC); Bantuan tenaga kerja dan perkeranian di Perkampungan Sukan; Bantuan tenaga kerja di pos-pos kawalan imigresen dan

Kompleks Kastam Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Sungai Tujuh dan Labu dan Bantuan tenaga kerja di Bahagian Pusat Operasi Kecemasan (DEOC), Kementerian Kesihatan.

Pasukan Polis Diraja Brunei

Berikut dengan makluman daripada Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam mengenai pengesahan kes pertama COVID-19 yang melibatkan warga tempatan, PPDB telah pun mengatur strategi bagi meningkatkan lagi kawalan bersama Agensi-agensi Penguatkuasaan yang lain bagi membantu mengekang penularan Wabak COVID-19 di negara ini.

Di samping itu, PPDB juga telah mengerahkan keanggotaannya bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab pengawalan seperti di dalam peruntukan yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 63 Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 bagi pihak polis memberikan bantuan kepada Kementerian Kesihatan dalam menguatkuasakan kuarantin.

Antara peranan PPDB yang dimaksudkan adalah tugas-tugas mengawal dan menghalang orang yang tidak berkenaan memasuki dan keluar dari tempat dan kawasan

kuarantin; Memantau mangsa jangkitan agar tidak melanggar peraturan kuarantin seperti meninggalkan tempat dan kawasan kuarantin dan mengadakan rondaan di sekeliling kawasan yang terjejas bagi memastikan kawasan tidak dicerobohi.

PPDB juga sering menasihatkan orang ramai supaya jangan sekali-kali terlibat dalam mengeluarkan dan menyebarkan maklumat-maklumat dan berita yang tidak sah dan tidak berasas berkaitan dengan Wabak COVID-19 ini.

Kesalahan-kesalahan sedemikian boleh diambil tindakan di bawah perundangan Penggal 148 Akta Ketenteraman Awam Seksyen 34 iaitu sesiapa yang sama ada, menggunakan lisan atau tulisan atau menggunakan sebarang cara, menyebarkan laporan yang salah atau membuat kenyataan yang salah yang boleh menyebabkan ketenteraman awam terganggu boleh dipenjara 3 tahun dan denda sebanyak BND3,000.

Penutup

Dalam usaha untuk menyokong Kementerian Kesihatan membanteras penularan

wabak COVID-19 di negara ini, PPDB dan ABDB juga melaksanakan

Operasi Sepadu bermula 20 April lalu. Operasi Sepadu ini bertujuan untuk menekan penyebaran COVID-19 di negara ini dengan menyekat kemasukan yang tidak terkawal melalui jejak tetikus di Kampung Bebuloh, Kampung Lumapas dan Kampung Junjongan.

Selain daripada itu, ABDB juga bekerjasama dengan PPDB dan ahli-ahli takmir masjid, surau dan balai-balai ibadat dalam memberikan bantuan pengawalan bagi kesejahteraan jemaah semasa menuaikan Solat Fardu Jumaat bermula pada 29 Mei lalu iaitu semasa masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat mulai dibuka semula untuk rakyat dan penduduk di negara ini setelah penutupan sementara bagi mencegah penularan wabak COVID-19.

Sumbangan jasa ABDB dan PPDB serta agensi-agensi lain dalam membantu menangani cabaran penularan wabak COVID-19 sangatlah dihargai baginda dan hal ini dapat digambarkan melalui titah perutusan khas berkenaan jangkitan wabak COVID-19 pada 13 April 2020 yang antara lain baginda bertitah: "Juga tidak lupa dirakamkan setingga tinggi ucapan terima kasih kepada Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pusat Bencana Kebangsaan, Krew dan Juruterbang Royal Brunei, pihak pengurusan dan kakitangan dari Syarikat-Syarikat Brunei Shell Joint Venture (BSJV), Syarikat-Syarikat Yang Berkaitan Dengan Kerajaan (GLCs), Syarikat-Syarikat Pelaburan Langsung Asing atau Foreign Direct Investments (FDI), Syarikat-Syarikat Telekomunikasi, Syarikat-Syarikat Swasta dan Agenzi-Agenzi Kerajaan yang lain mengikut bidang dan kepakaran masing-masing dalam sama-sama membantu Kerajaan Beta menangani cabaran pada masa ini. Jasa yang mereka curahkan kepada keluarga pesakit dan kepada negara khususnya tidaklah dapat digambarkan. Beta berdoa semoga Allah memberkati mereka dengan kebahagiaan di dunia dan di akhirat".





Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Pihak Berkua
Industri Teknologi Info-komunikasi



KEIGIHAN dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mempelbagaikan usaha ke arah menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Pintar (Smart Nation) selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Pada tahun ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia memperkenankan bayaran Cellular Mobile Subscriber Licence (CMSL) Fee iaitu Yuran Lesen Tahunan sebanyak BND25 yang dikenakan kepada setiap pengguna perkhidmatan Cellular Mobile di NBD diitiadakan bermula 24 Januari 2020.

Ini merupakan inisiatif Kebawah DYMM dalam menjadikan perkhidmatan-perkhidmatan telekomunikasi lebih mudah dan mampu untuk dimiliki oleh orang ramai dan semua lapisan masyarakat dan seterusnya untuk meningkatkan tahap kesediaan masyarakat untuk mengguna pakai teknologi dan perkhidmatan digital yang baharu.

Ini juga sepatimana yang ditekankan oleh Kebawah DYMM dalam titah sempena Menyambut Tahun Baharu Masih 2020, "Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan mengikuti perkembangan Era-Digital yang sering dikaitkan dengan Fourth Industrial Revolution, di mana teknologi seperti Edge, Cloud, Artificial Intelligence dan Extended Reality akan turut memacu transformasi industri Digital".

Peniadaan Lesen Tahunan ini adalah satu langkah positif yang diusahakan bersama oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan Pihak Berkua Industri Teknologi Info-komunikasi (AITI) selaras dengan penyusunan semula struktur industri telekomunikasi di negara ini seperti yang dilaksanakan pada 24 Januari 2020 yang lalu.

Sejajar dengan hasrat Kebawah DYMM dalam menjadikan NBD sebagai sebuah Negara Pintar (Smart Nation), MTIC juga telah melancarkan Pelan Strategik yang baharu, iaitu MTIC 2025 bagi tempoh

lima tahun akan datang.

Dengan Visi baharu iaitu 'Negara Pintar Terhubung' (Connected Smart Nation) dan dengan Misi 'Meningkatkan Kesalinghubungan Ke arah Meluaskan Peluang Sosioekonomi, Inovasi dan Kualiti Kehidupan Yang Tinggi' (Enhancing Connectivity for Greater Socio-economic Opportunities, Innovation and High Quality of Life), pelan strategik MTIC ini menjurus

dan sejajar dengan tiga sasaran Wawasan Brunei 2035 iaitu, Kualiti kehidupan yang tinggi; Negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; dan Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Ke arah merealisasikan hasrat pihak Kerajaan dalam memastikan sektor ICT sebagai salah satu pemangkin utama untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 dan juga menjadikan NBD sebagai sebuah negara pintar, Pasukan Petugas 5G juga telah ditubuhkan dengan tujuan untuk meningkatkan kesediaan dalam pelaksanaan teknologi 5G di NBD.

Teknologi 5G dengan jalur lebar mudah alih berkelajuan tinggi diatur untuk merevolusikan hubungan pada tahun-tahun mendatang sehingga membuka peluang tanpa henti untuk pengembangan perkhidmatan inovatif untuk meningkatkan lagi



Bergerak ke arah negara pintar

pertumbuhan ekonomi di negara ini.

Pasukan Petugas 5G terdiri daripada tiga kumpulan kerja yang terdiri daripada kakitangan sektor kerajaan, agensi kerajaan, penyedia perkhidmatan telekomunikasi, vendor peralatan, ahli akademik dan industri.

Tiga kumpulan kerja itu ialah Kumpulan Kerja Satu ialah Dasar, Peraturan dan Spektrum, yang dipengerusikan bersama oleh MTIC dan AITI.

Kumpulan Kerja Dua ialah Kes Penggunaan, Aplikasi dan Infrastruktur, yang dipengerusikan oleh Unified National Network Sdn. Bhd. (UNN) dan akhir sekali

Kumpulan Kerja Tiga ialah Pendidikan dan Kesedaran, yang mana dipengerusikan bersama oleh AITI dan Universiti Teknologi Brunei (UTB).

Pasukan Petugas 5G juga akan mengadakan beberapa kumpulan kerja dan mesyuarat sepanjang tahun dan ia diharap akan dapat menyelesaikan kajian serta menghasilkan laporan akhir mengenai

pelaksanaan 5G di Negara Brunei Darussalam di mana hasil daripada laporan itu akan diserahkan kepada MTIC.

Pada 30 Mac 2020, AITI menubuhkan 5G Regulatory Sandbox untuk memudahkan pengembangan teknologi 5G di Brunei Darussalam. Regulatory Sandbox ini memberi peluang kepada syarikat yang berkelayakan untuk melakukan percubaan mengenai teknologi 5G dan inovasinya. Di bawah Regulatory Sandbox ini, AITI menyediakan pengecualian yuran ke atas bayaran lesen, spektrum dan pengimportannya.

Jelaslah pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan Kebawah DYMM dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 yang bukan sahaja memberi manfaat kepada negara malah kepada rakyat sendiri. Selaku rakyat, kita juga perlu bersatu untuk menjayakan Wawasan Negara ini dan bersama-sama menyokong hasrat negara untuk menjadi Negara Pintar. Dengan meningkatnya revolusi teknologi di negara ini, kita juga akan menyaksikan peningkatan ekonomi negara setara dengan negara-negara maju.





رَبِّ الْفَلَقِ
نَمَوْذَجٌ وَلَعْ
سَمْبُوتٌ مُلَعْ
كَوْكَبٌ مُنْتَهٍ
لَّهُ مَنْ يَنْهَا

Kesejahteraan PMKS terjamin

NEGARA Brunei Darussalam memang sangat bertuah kerana memiliki seorang pemerintah dan raja bijaksana serta berjiwa rakyat malah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan seorang raja yang adil lagi bijaksana, sentiasa berusaha membangun dan memajukan negara seiring dengan negara-negara yang lain di dunia sama ada dalam bidang agama, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan dan banyak lagi.

Namun keprihatinan baginda jelas terpancar khususnya ketika ini Negara Brunei Darussalam masih diancam dengan penularan penyakit pandemik COVID-19 dan sangat disanjung tinggi apatah lagi

kepada syarikat-syarikat Perniagaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam membantu meneruskan lagi perusahaan mereka.

Justeru, keprihatinan baginda dalam menjaga kebajikan PMKS amat ditekankan apatah lagi, perkara tersebut termasuk dalam perutusan titah baginda semasa situasi penyakit pandemik COVID-19 yang melanda Negara Brunei Darussalam pada 13 April lalu.

Baginda memahami banyak peniaga khususnya PMKS atau mereka yang bermula sendiri telah berdepan cabaran yang sengit dan terjejas disebabkan oleh COVID-19 ini. Sehubungan itu, kerajaan baginda melalui Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama institusi yang berkaitan termasuk Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah memperkenalkan beberapa pakej Stimulus Economic bagi membantu mereka yang terjejas agar dapat meneruskan perniagaan masing-masing.

Langkah-Langkah Interim Mendukung Perusahaan Tempatan

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah telah memperkenalkan langkah-langkah interim bagi mendukung beberapa sektor swasta dalam sama-sama menangani cabaran-cabaran hasil dari penularan COVID-19 di negara ini.

Antara langkah-langkah interim yang diperkenalkan itu ialah penangguhan pembayaran ke atas caruman TAP (5 peratus) dan SCP (3.5 peratus) bagi pekerja-pekerja tempatan yang berpendapatan BND1,500 sebulan dan ke bawah di semua sektor di dalam

kategori PMKS iaitu dengan jumlah pekerja kurang dari 100 orang.

Seterusnya, pihak kerajaan akan memberi bantuan kepada golongan yang bekerja sendiri dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi di mana langkah ini adalah untuk membantu mereka yang bekerja sendiri dan terkesan dari wabak ini serta memastikan mereka mempunyai perlindungan Survivorship Fund yang berterusan.

Kemudian, memberikan 30 peratus diskauan ke atas kadar sewa bangunan kerajaan kepada PMKS mengikut sektor sasaran, seperti sektor pelancongan, hospitaliti (termasuk hotel dan Lodging House yang berdaftar), restoran / kafe, pengangkutan penumpang udara dan air.

Langkah seterusnya adalah memberikan diskauan cukai sebanyak 50 peratus ke atas cukai pendapatan korporat bagi tahun tafsiran 2020 kepada sektor sasaran sebagaimana yang disebutkan di atas. Diskauan ini adalah membantu para peniaga yang sedang mengalami penurunan pendapatan semasa menularnya wabak COVID-19 ini.

Memberikan 15 peratus diskauan untuk bil-bil air dan elektrik ke atas sektor sasaran sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini di mana langkah ini adalah untuk mengurangkan bebanan terhadap kos operasi syarikat-syarikat berkenaan.

Kemudian, langkah seterusnya adalah memberikan bantuan kepada PMKS untuk menyertai e-platforms bagi pemadaman perniagaan (*business matching*) yang lebih berkesan. Darussalam Enterprise (DARe) akan bekerjasama dengan beberapa perkhidmatan bagi membantu peniaga-peniaga memasarkan barang masing-masing secara dalam talian (*online*).

Insentif E-Platform

Langkah ini bertujuan untuk membantu

dan memberikan peluang serta insentif kepada peniaga khususnya PMKS untuk menggunakan e-platform dalam menjalankan perniagaan mereka supaya lebih berdayaatahan dan berdayasaing.

Seterusnya, pengecualian sementara duti kastam dan duti eksais bagi produk-produk *personal hygiene* (kebersihan diri). Inisiatif ini dilaksanakan adalah untuk membantu para peniaga dan pembeli khususnya dalam memenuhi permintaan orang ramai terhadap produk kesihatan dalam menangani penyakit pandemik COVID-19 seperti sarung tangan getah, pensanitasi tangan dan sebagainya.

Selain itu, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui pihak AMBD dan Persatuan Bank-Bank Brunei (BAB) turut memperkenalkan beberapa pakej bantuan ekonomi tambahan terhadap syarikat-syarikat perusahaan di negara ini.

Antaranya ialah membuat penangguhan jumlah pembayaran pokok (*principal amount*) pinjaman atau pembiayaan kepada semua sektor; menstruktur semula dan membuat penangguhan jumlah pembayaran pokok ke atas pinjaman peribadi dan kemudahan sewa beli seperti pinjaman atau pembiayaan pembeli kereta untuk tempoh tidak melebihi 10 tahun; memberi penangguhan pembayaran pokok pinjaman dan pembiayaan untuk memiliki hartanah.

Pihak kerajaan khususnya Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah menyahut seruan dan saranan yang diberikan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama menjaga kesejahteraan peniagan-peniaga di negara ini.

Bersempena dengan Hari Keputeraan baginda, sama-sama kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini untuk menadah tangan dan berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala semoga baginda sentiasa dilanjutkan usia, diberikan kesihatan yang baik dan kekal karar memerintah singgahsana kerajaan serta semoga Negara Brunei Darussalam terus bebas, dilindungi daripada ancaman penyakit pandemik COVID-19.





BERKAT kepimpinan raja yang bijaksana memimpin Negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berjaya membawa nama Negara ke mata dunia setanding dengan Negara-negara lain.

Sejak pemerintahan baginda, pelbagai kemajuan pembangunan dan perkembangan terus dicapai antaranya melalui dengan Penubuhan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada 22 Oktober 2015 di mana ianya menunjukkan hasrat kuat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya pertumbuhan keluaran industri pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan di Negara ini dapat dipertingkatkan bagi membantu menjana pertumbuhan ekonomi atau Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara Brunei Darussalam. Melalui pertumbuhan keluaran daripada industri-industri ini, bersama-sama dengan pertumbuhan keluaran daripada industri-industri yang lain, ini akan menjana pertumbuhan serta kepelbagaian ekonomi secara menyeluruh bagi negara ini. Inilah perjalanan ekonomi yang dihasratkan bagi mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Hala tuju dan Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ini telah dilakar berdasarkan kepada :

- Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Menyambut Awal Tahun Baru Masihi 2016;
- Pertumbuhan Ekonomi Negara Brunei Darussalam yang perlu dicapai; dan
- Wawasan Brunei 2035 yang perlu direalisasikan.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2016, antaranya menekankan isu-isu



ekonomi bagi Negara Brunei Darussalam, dan disimpulkan seperti berikut :

- Berbangkit daripada keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu; penurunan keluaran minyak dan gas negara serta kejatuhan harga minyak dunia telah menjelaskan prestasi makro-ekonomi NBD. Pertumbuhan ekonomi NBD bukan sahaja perlahan, malah telah merekodkan pertumbuhan negatif;
- Untuk KDNK bertumbuh, adalah sangat mustahak untuk memperluaskan dan mempelbagaikan asas ekonomi negara ini. Usaha-usaha untuk meningkatkan keluaran dalam negara perlu dilipatgandakan dan juga dipercepatkan;
- Saiz pasaran kecil tidak boleh dijadikan alasan untuk menyekat pertumbuhan keluaran. Bagi menjamin pertumbuhan, kita perlu menerokai pasaran eksport.

Petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Bersempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2016.

"Kita akan terus bergerak ke arah pertumbuhan ekonomi yang mantap dan berdaya saing, di samping menyedari, cabaran adalah hebat berbangkit dari keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu. Di sini, kita perlu turut melihat prestasi ekonomi kita sendiri, di mana beberapa tahun kebelakangan ini, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah agak perlahan, yang memerlukan negara menggandakan usaha untuk meningkatkan keluaran dalam negara, terutama yang di luar industri minyak dan gas. Di antara yang di luar industri minyak dan gas itu, ialah seperti industri pertanian atau perikanan, industri pembuatan, industri perkhidmatan, termasuk perkhidmatan kewangan, pengangkutan, logistik, telekomunikasi, perdagangan, pelancongan dan

Sektor Pelancongan

Pelancongan bukanlah sesuatu yang baru. Sejak dulu lagi sektor pelancongan telah menjadi nadi penggerak ekonomi beberapa buah negara. Industri pelancongan memainkan peranan penting bagi memperkuatkannya kepelbagaian ekonomi dan dalam era globalisasi kini, banyak negara dunia berlumba-lumba memajukan industri pelancongan untuk tukaran wang asing yang lumayan. Malahan banyak juga negara yang menggalakkan pelancongan dalam negara untuk menjana pertumbuhan ekonomi di sekitar destinasi pelancongan. Negara ini amat bertuah mempunyai alam semula jadi yang indah, unik dan pelbagai seperti hutan hujan tropika, serta pelbagai spesies flora dan fauna. Dalam rangka mencapai kemajuan hidup dan pembangunan, industri pelancongan merupakan sektor yang dikenal pasti berpotensi untuk dimajukan bagi menyumbang ke arah pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi; menjana peluang pekerjaan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta mengurangkan perbelanjaan keluar negara.

Bagi memperbaiki lagi industri pelancongan negara beberapa langkah juga telah diambil. Langkah-langkah tersebut ialah meningkatkan Promosi dan Pemasaran; Meningkatkan keberkesan promosi pelancongan melalui e-Pemasaran, penggunaan teknologi info-komunikasi (ICT) dan lain-lain aktiviti bagi menarik lebih ramai inbound tourists ke Negara

Sektor industri, pelancongan jana ekonomi negara



Brunei Darussalam. Menggubal dasar dan strategi pelancongan kebangsaan dengan kerjasama agensi-agensi yang berkepentingan bagi menangani senario pelancongan global yang sentiasa berubah lagi kompetitif. Meningkatkan kemudahan untuk para pelancong seperti penyediaan tempat maklumat pelancongan, serta kemudahan-kemudahan lain seperti penginapan, kedai 24 jam dan kedai-kedai membeli-belah. Dari segi produk-produk pelancongan pula ianya turut merangkumi:

Produk-Produk Premier

I. Temburong : Bangar, Batang Duri, Taman Negara Ulu Temburong dan terkini dengan terwujudnya Jambatan Penghubung dari Daerah Brunei Muara ke Daerah Temburong yang dijangka mampu menambah lagi kemasukan pelancong ke Negara ini sekali gus mampu memperkenalkan lagi Daerah Temburong yang sememangnya penuh tempat-tempat unik yang belum banyak diketahui dan diteroka oleh orang ramai. Dengan terbinanya jambatan ini, ekonomi Daerah Temburong dijangka akan meningkat, seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi keseluruhan Negara Brunei Darussalam, sejarah dengan matlamat Wawasan 2035.

II. Kampong Ayer : Persekutuan Kampong Ayer, Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer, Jong Batu, Proboscis Monkey; dan

III. Bandar Seri Begawan : Masjid Omar Ali Saifuddien, Jame' Asr Hassaniil Bolkiah, Taman Mahkota Jubli Emas, Muzium Maritim, Muzium Alat Kebesaran Diraja, Bangunan Lapau, Istana Nurul Iman, Tamu Kianggeh, Pasar Pelbagai Barang Gadong dan lain-lain.

Produk-Produk Emerging

I. Pantai-Pantai (Serasa, Muara, Berakas, Seri Kenangan dan Meragang);

II. Taman-Taman Rekreasi Hutan (Taman Rekreasi Sg. Basong, Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas dan Taman Rekreasi Bukit Shahbandar); dan lain-lain tempat menarik.

Lain-lain produk adalah berupa aktiviti seperti bird watching, Islamic tourism, cruise tourism, Conventions & Exhibitions, adventure, diving, homestay activities, culture and community-based tourism.

Kesimpulannya, sektor perindustrian mahupun pelancongan di mana kedua-duanya merupakan sumber ekonomi yang amat penting dalam negara kita. Oleh itu, kita harus menggunakan kelebihan yang ada pada negara kita dengan sepenuhnya supaya negara dapat menjadi pusat dalam industri terutama sekali pelancongan yang terkenal di dunia dan seterusnya membangunkan ekonomi negara kita. Apa yang penting kita sebagai rakyat di Negara Brunei Darussalam ini harus bersatu padu sekali gus menyahut saranan dan titah raja yang kita kasih dan sanjung untuk sentiasa bersatu padu demi sama-sama meningkatkan ekonomi negara kita dan sekali gus menjaga kepentingan tanah air tercinta kita.

lain-lain".







Memperkasa pendidikan ke arah kecemerlangan penuntut

SEKTOR pendidikan di negara ini sememangnya lazim menerima perubahan demi kebaikan rakyat dan penduduk di negara ini. Ini semua adalah bagi menjamin mutu ilmu pengetahuan yang ditimba oleh masyarakat kita selaras dengan keperluan semasa.

Spendidikan di negara ini sememangnya lazim menerima perubahan demi kebaikan rakyat dan penduduk di negara ini. Ini semua adalah bagi menjamin mutu ilmu pengetahuan yang ditimba oleh masyarakat kita ni selaras dengan keperluan semasa.

Sejak dunia dilanda pandemik COVID-19, pelbagai aspek kehidupan telah mengalami perubahan dan norma baharu pula diperkenalkan. Ini kerana selain kita perlu mengekang pandemik ini, kita juga perlu meneruskan kehidupan kita sehari-hari.

Antara yang tidak terkecuali ialah sektor pendidikan di mana pembelajaran secara bersemuka terpaksa ditiadakan di sekolah-sekolah bagi mengelakkan perkumpulan ramai demi berusaha memutuskan rantaian COVID-19. Di negara kita, sebaik sahaja wabak ini mula dikesan pada 9 Mac 2020, tarikh mula cuti penggal pertama persekolahan telah pun diubah iaitu diawalkan daripada 16 Mac 2020 kepada 11 Mac 2020, demi memastikan jangkitan adalah terkawal.

Pembelajaran Online

Dunia persekolahan secara global telah berubah di mana pembelajaran secara bersemuka telah diganti dengan

pembelajaran secara *online* dengan menggunakan aplikasi-aplikasi tertentu.

Dengan adanya keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap kemajuan bidang pendidikan di negara ini, ditambah lagi dengan kemajuan teknologinya, pihak sekolah di negara ini telah dapat menganjurkan pembelajaran secara *online* sepertimana juga yang dijalani oleh negara-negara lain. Dengan itu para pelajar di negara ini masih saja boleh menimba ilmu dengan kaedah *online*.

Pada 25 Mac 2020, Kementerian Pendidikan dengan nasihat Kementerian Kesihatan telah memaklumkan bahawa sesi pengajaran dan pembelajaran bagi semua sekolah rendah, menengah, pusat-pusat tingkatan enam, sekolah-sekolah vokasional dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan juga termasuk sekolah-sekolah di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama, sekolah-sekolah swasta telah bermula pada Isnin, 30 Mac 2020 secara *online*. Bagi sekolah-sekolah antarabangsa, pengajaran dan pembelajaran juga secara *online* bermula pada tarikh yang telah ditetapkan oleh institusi masing-masing.

Pelajar-pelajar ketika itu dikehendaki untuk terus berada di rumah dan mengikuti pembelajaran secara *online* melalui pelbagai landasan mengikut kapasiti

sekolah masing-masing sama ada melalui E-mel, Google Docs, WhatsApp, Video Conference, Microsoft Teams dan platform media sosial atau sebarang aplikasi telekomunikasi yang bersesuaian.

Selain itu, pihak sekolah juga memberikan Home-Pack Learning bagi pelajar-pelajar yang tidak mempunyai akses kepada internet. Terdapat juga pendidikan melalui rancangan TV dilaksanakan sebagai sokongan tambahan pengajaran dan pembelajaran melalui media massa.

dimulakan, beberapa prosedur operasi telah dikongsikan bersama pemimpin-pemimpin sekolah, iaitu pembukaan sekolah secara berperingkat, garis panduan bagi sekolah-sekolah dan persiapan penjarakan juga kebersihan diri.

Pada peringkat awal keutamaan diberikan kepada para pelajar yang akan menduduki peperiksaan awam, iaitu pelajar Tahun 6; Tahun 8; Tahun 10 Express; Tahun 11; Tahun 12; dan Tahun 13.

Semua aktiviti kurikulum dan kokurikulum yang membabitkan perhimpunan diitiadakan bagi semua peringkat untuk memastikan keselamatan juga penjarakan sosial semua pelajar dan guru terjaga. Selain itu, setiap sekolah juga mempunyai Kod QR masing-masing, di mana guru-guru dan warga sekolah yang bertugas perlu mengimbas kod tersebut sebelum dan selepas waktu sekolah.

Kita hendaklah bersyukur dengan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menitikberatkan perkembangan pendidikan di negara ini sehingga para pelajar kita masih berpeluang menimba ilmu dan tidak tercincir pada musim pandemik ini seperti mana juga dengan negara-negara lain. Dengan adanya titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam tambahan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial terutama yang melibatkan aktiviti persekolahan telah memberikan impak positif kepada dunia pendidikan di negara ini.

Kita juga patut bersyukur yang mana guru-guru, pemimpin-pemimpin sekolah, pelajar dan ibu bapa juga memahami suasana norma baharu sesi persekolahan masa kini dan sentiasa memberi sokongan penuh dalam memastikan pelajar-pelajar tidak ketinggalan dalam pembelajaran mereka.





Oleh : Hezlinawati Haji Abd Karim
Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Mas Fahri
Azahari, Haji Mohd Saiful Adli



PADA awal bulan Mac tahun ini, negara dikejutkan dengan kes pertama virus COVID-19. Sejak itu pihak-pihak bertanggungjawab dengan pantas membuat langkah-langkah sewajarnya bagi membendung wabak berkenaan dari terus menular secara berleluasa termasuklah para sukarelawan. Mereka yang bertugas tanpa mengharapkan sebarang imbalan, jasa para sukarelawan dalam berganding bahu atas dasar rasa tanggungjawab sebagai anak Brunei sememangnya sangat dihargai.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku payung negara juga tidak memandang dengan hanya sebelah mata akan jasa para sukarelawan ini dengan mengambil berat akan kebajikan mereka yang berkorban masa dan tenaga. Ini jelas terbukti dengan penghargaan tanpa diduga iaitu dengan pemberian elauan khas kepada mereka yang berjuang demi membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini termasuklah para sukarelawan. Ini terkandung dalam Titah Perutusan Khas Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan jangkitan wabak COVID-19 pada 13 April 2020 di Istana Nurul Iman. Baginda antara lain bertitah,

"Itu baru dari segi emosi, belum lagi risiko selaku petugas barisan hadapan. Mereka ini cuma dibekalkan dengan Personal Protective Equipment (PPE) dan Prosedur Arahan Standard (SOP) sebagai perisai, di mana selainnya, hanya doa saja yang mampu dirafakkam."

Bagi menghargai jasa dan bakti mereka ini, Beta melihat, mereka sangatlah wajar untuk 'disangkuti' dengan 'elaun khas' sebanyak BND400 (Empat ratus ringgit) sebulan, khusus kepada para doktor, jururawat, paramedik, pemandu, ambulan, sukarelawan, pembersih, penjaga keselamatan dan kesemua mereka yang bertugas dengan Kementerian Kesihatan khususnya di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Pusat Pengasingan Kebangsaan Tutong dan di pusat-pusat kuarantin yang dikhaskan oleh Kerajaan



Jasa sukarelawan dihargai

Beta. Pemberian elauan khas ini akan berjalan bermula bulan Mac 2020 dan akan dilanjutkan sehingga berakhirnya wabak COVID-19 di negara ini," titah Baginda.

Kebawah DYMM sememangnya sangat menghargai kerjasama dan bantuan yang telah diberikan oleh pihak sukarelawan dalam usaha negara mengawal penularan wabak COVID-19 di negara ini ketika ini. Para sukarelawan yang juga boleh dianggap sebagai *frontliners* kerana mereka berisiko apabila perlu menghadapi pelbagai orang semasa pandemik ini di mana mereka tidak dilengkapi dengan peralatan perlindungan peribadi (PPE) tapi mereka cuba menyediakan penutup mulut, sarung tangan dan sanitasi.

Di bawah inisiatif sukarelawan Belia, seramai 1,247 individu telah pun mendaftar untuk menjadi wira negara di bawah inisiatif Sukarelawan Belia setakat Mei 2020. Para sukarelawan belia ini diberikan tugas masing-masing di beberapa buah tempat berpandukan

tugas daripada Kementerian Kesihatan dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC). Kira-kira seramai 150 sukarelawan belia diatur gerakan untuk melaksanakan tugas sepuh masa pada setiap hari.

Terdapat dua kumpulan sukarelawan dalam operasi sukarelawan berkenaan iaitu berisiko tinggi dan berisiko rendah, di mana sukarelawan dalam kumpulan berisiko tinggi mempunyai latar belakang perubatan dan lebih cenderung untuk memberi bantuan di bahagian hospital, lapangan terbang, pusat pengasingan dan lainnya. Sementara itu, sukarelawan berisiko rendah diberikan tugas untuk menghantar barang, logistik dan lain-lain tetapi mereka tidak akan mengarahkan sukarelawan untuk terlibat dalam kumpulan persekitaran yang berisiko tinggi.

Para

sukarelawan inilah yang berusaha untuk menyediakan apa yang diperlukan bagi meringankan beban kakitangan Kementerian Kesihatan, kakitangan perubatan, jururawat dan *frontliners* lain yang sibuk merawat pesakit dan mengawal virus.

Antara tugas yang digalas oleh para sukarelawan ini ialah seperti pemeriksaan suhu badan; membantu dalam kerja-kerja sekretariat di kemudahan pemantauan atau pengasingan; dan sebagainya, menurut garis panduan yang telah disediakan oleh agensi-agensi yang terlibat.

Kerjasama dan bantuan para sukarelawan secara berterusan adalah sangat diharapkan. Kepada para sukarelawan negara, teruskanlah menyumbangkan khidmat bakti kepada negara serta komited dalam bersama-sama membantu kerajaan demi keselamatan dan kesejahteraan bersama. Kepada semua, marilah kita bersama-sama membendung penularan wabak COVID-19 bagi kesejahteraan bersama.



Seru rakyat benteng penularan COVID-19

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto : Jabatan Penerangan



MASYARAKAT global tidak terkecuali Negara Brunei Darussalam ketika ini masih berdepan dengan wabak COVID-19 yang mengorbankan ratusan ribu jiwa. Penularan wabak merbahaya ini telah menyebabkan perubahan dalam rutin kehidupan sehari-hari.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi berkaitan telah mengambil langkah segera dengan penutupan sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian kerajaan dan swasta, serta penutupan sempadan negara secara berperingkat-peringkat.

Impak dari penularan wabak ini juga telah menyebabkan beberapa acara kenegaraan termasuk acara keraian diitiadakan atau ia hanya disambut dengan langkah-langkah keselamatan demi kesejahteraan semua.

Keperihatinan KDYMM

Selaku raja berjiwa rakyat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut prihatin terhadap fenomena yang

melanda negara pada masa ini.

Dalam Titah Perutusan Khas berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam antara lain menegaskan, semua kita mengalami kejutan, tetapi hendaklah tidak sampai ke tahap panik, kerana panik itu berisiko untuk menggugat ketenteraman.

Selaku bangsa yang berakidah, tegas baginda, di samping meneruskan usaha-usaha bersifat jasmani (fizikal), kita juga dituntut untuk menggandakan usaha-usaha bersifat kerohanian (spiritual) dengan membanyakkan doa dan zikir kepada Allah serta melakukan Amar Makruf Nahi Munkar.

"Di sinilah budaya kita berbeza. Kita tahu, wabak ini bukan wujud dengan sendirinya, tetapi datang daripada, siapa yang bernama 'Maha Pencipta'."

Tiada siapa di kalangan kita yang tahu mengapa ia didatangkan. Tetapi bercermati kepada peristiwa-peristiwa yang dirakam dalam Al-Quran, maka dapatlah difahami, bahawa setiap bala atau musibah atau wabak itu adalah ia satu peringatan atau hukuman atau 'intiqam' daripada Allah," titah baginda.

Seuja orang, tegas baginda, tidak wajar mengambil sikap yang bercanggah dengan etika dan ugama, seperti enggan untuk

menjalani ujian atau rawatan dengan alasan-alasan yang mengelirukan, seperti semata-mata ingin bertawakal.

"Setahu beta, tawakal itu paksinya ialah ikhtiar atau usaha, bukannya dengan melulu begitu saja," titah baginda.

Kita, jelas baginda, berharap akan dapat membendung jangkitan-jangkitan baharu dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya kita, jelas baginda lagi, tidaklah boleh leka untuk menangani kes ini. Daripada perkembangan yang berlaku di seluruh dunia, nyata baginda, semua orang boleh menjangkakan bahawa wabak ini mungkin menjadi ancaman bagi jangka masa yang panjang.

Kerana itu Brunei, tegas baginda, mesti bersedia

secara bersepadan untuk membentengi diri daripada wabak ini. Secara fizikal, kita didorong untuk mengutamakan kebersihan menggunakan topeng muka dan hand sanitizer, tetapi ini saja, tegas baginda lagi, belum memadai, melainkan mesti juga komited dengan faktor psikologi, iaitu bersabar dan bertengah serta yakin kepada pertolongan Allah.

Norma Baharu

Usaha bagi membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 masih lagi giat dilaksanakan di negara ini.

Meskipun penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini dalam keadaan terkawal, negara-negara lain di seluruh dunia masih berhadapan dengan kemelut bagi menangani wabak ini.

Beberapa norma baharu telah pun diguna pakai bagi membantu menangani wabak berkenaan di negara ini dengan lebih berkesan. Antaranya penjarakan sosial, penggunaan pensanitasi tangan, memakai sungup muka, pemeriksaan suhu badan dan penggunaan aplikasi BruHealth bagi mengimbas Kod QR di premis-premis perniagaan.

Perkara-perkara

tersebut seharusnya menjadi sifat kebiasaan bagi kita semua walaupun mungkin terdapat beberapa individu yang mengalami kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan norma baharu berkenaan terutama pada peringkat permulaan.

Kerjasama daripada seluruh lapisan masyarakat adalah amat penting dalam mematuhi saranan dan nasihat yang telah diberikan Kementerian Kesihatan bagi mencegah terjadinya kes baharu jangkitan berkenaan.

Dengan menyesuaikan diri dengan norma baharu ini bukan sahaja kita dapat menghindari diri dan ahli keluarga daripada jangkitan wabak COVID-19 bahkan ia meningkatkan kesedaran kita supaya lebih peka dengan amalan kebersihan dan penjagaan kesihatan diri. Apatah lagi sikap mementingkan dan memelihara kebersihan diri serta persekitaran setiap masa dalam kehidupan memang dititikberatkan Islam.

Selain itu, kita juga dapat menjalani kehidupan dengan lebih selamat apabila kita berjaya menangani penularan jangkitan tersebut.

Walau bagaimanapun, amalan-amalan tertentu seperti mencuci tangan dengan menggunakan sabun atau pensanitasi tangan; menggunakan sungup muka dan penjarakan sosial perlulah dijadikan norma kehidupan baharu pasca COVID-19, khususnya bagi mereka yang tidak sihat.

Dalam pada itu, salah satu norma baharu yang juga akan terus dilaksanakan, khususnya pasca COVID-19 adalah proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian bagi mempersiapkan para pelajar dalam menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0.

Teknologi dan aplikasi pendidikan dalam talian akan lebih dimanfaatkan bagi mendorong strategi pembelajaran sepanjang hayat di mana ia memerlukan kaedah pembelajaran dan pengajaran konvensional juga dalam talian.

Oleh itu, kita perlu menerima dan menyesuaikan diri dengan anjakan kehidupan ke arah norma baharu bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan hidup masyarakat di negara ini.





Oleh : Zawiyatun Ni'mah Mohamad Akir
Foto : Jabatan Penerangan



Merealisasikan ke arah warga sihat

BERBICARA mengenai seorang raja yang tidak asing lagi dan sentiasa digalati di Negara Brunei Darussalam iaitu raja yang sangat dicintai oleh seluruh rakyat dan penduduk, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan seorang raja yang sangat prihatin terhadap hal ehwal kesihatan, kesejahteraan dan kebajikan rakyat baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak pernah sama sekali mengabaikan kemudahan dari segi kesihatan yang diperlukan oleh rakyat dan penduduk baginda seperti menyediakan taman rekreasi yang lengkap untuk menuju ke arah warga sihat, di seluruh hospital di Negara Brunei Darussalam disediakan lengkap dengan kemudahan untuk merawat pesakit, adanya pembinaan makmal virologi, pembinaan Pusat Pengasingan Kebangsaan (National Isolation Centre - NIC) yang baharu dan sebagainya. Selain itu juga, pendaftaran hospital hanya perlu dibayar seringgit sahaja berbanding dengan negara-negara lain yang penduduknya terpaksa berhempas pulas bekah untuk membiayai perubatan mereka. Perkara ini menunjukkan betapa beruntungnya menjadi rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam yang serba-serbinya menjadi perhatian baginda.

Ké arah meningkatkan kesihatan yang diharapkan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga banyak menyediakan program-program seperti Program Mukim Sihat, Kempen Kebersihan Alam Sekitar, Program Bandarku Ceria, Program Riadah Berbasikal dan sebagainya tetapi dalam keadaan negara yang dilanda wabak COVID-19 ini banyak program tersebut terpaksa ditangguhkan dan akan diadakan sekiranya keadaan negara mengizinkan. Manakala Program Bandarku Ceria telah pun mula dibukakan untuk orang

ramai akan tetapi orang ramai yang hadir hendaklah mengikuti SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Keprihatinan Raja

Keprihatinan Kebawah DYMM selama ini tidak kendur-kendur terutama apabila negara yang tercinta ini tidak terlepas dari salah sebuah negara yang turut dilanda wabak COVID-19. Keprihatinan baginda jelas dalam Titah Perutusan baginda berkenaan dengan Jangkitan Wabak COVID-19 iaitu "Kerana itu, Brunei mesti bersedia secara bersepudu untuk membentengi diri daripada wabak ini. Secara fizikal, kita didorong untuk mengutamakan kebersihan, menggunakan topeng muka dan hand sanitizer. Tetapi ini saja belum memadai, melainkan mesti juga komited dengan faktor psikologi, iaitu bersabar dan bertengang serta yakin kepada pertolongan Allah". Titah tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman pada Sabtu, 21 Mac 2020. Dari titah baginda itu, dapat kita uraikan bahawa baginda mahukan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam semua bersatu padu dan bertanggungjawab dalam menangani jangkitan wabak COVID-19 ini dan sentiasa mengutamakan kebersihan bukan sahaja dengan menggunakan topeng muka dan hand sanitizer semata-mata. Dengan adanya penggunaan topeng muka dan hand sanitizer sekurang-kurangnya kita sentiasa berwaspada dari terus dihantui rasa kurang selesa apabila berada di suatu tempat.

Selain itu, apabila berada di sesuatu tempat, kita haruslah sentiasa beringat dan jangan mendorong diri untuk menuju ke tempat yang terlalu ramai orang dan berasak-asak. Wabak COVID-19 ini seperti yang kita maklum bukan sesuatu yang boleh dipandang mudah kerana ia melibatkan nyawa manusia.

Kebawah DYMM juga tidak ketiggalan mengurniakan 'elaun khas' sebanyak BND400 sebulan kepada semua petugas di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Pusat Pengasingan Kebangsaan Tutong dan di pusat-pusat kuarantin. Perkara ini memperlihatkan betapa Kebawah DYMM ingin para pejuang negara terus dihargai dan tabah dalam mengharungi wabak yang belum pasti bila ianya akan berakhir.

Sementara itu, "Kerajaan, melalui Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah meningkatkan kapasiti tenaga kerja, bukan sahaja bilangan doktor dan jururawat, malahan juga keupayaan-keupayaan klinikal sekali gus akan

dipertingkatkan". Titah Perutusan baginda berkenaan dengan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Sabtu, 21 Mac 2020. Titah baginda itu membuktikan keprihatinan baginda dalam sama-sama agar Kementerian Kesihatan terus berjuang dalam menangani Wabak COVID-19 ini.

Tanai sikap bersih

Semua warga Perkhidmatan Awam, termasuk pelanggan juga pengunjung ke premis-premis kerajaan dan jabatan hendaklah menggunakan aplikasi BruHealth bagi membantu pihak Kementerian Kesihatan dalam pengesanan kontak (contact tracing), begitu juga apabila ingin memasuki premis-premis perniagaan, gim, sekolah, masjid, surau dan balai-balai ibadat.

Pelan de-escalation dilaksanakan secara berfasa berpandukan kepada nasihat pihak Kementerian Kesihatan dengan mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan semua pihak.

Langkah-langkah yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan seperti mengimbas Kod QR, memeriksa suhu badan, dan penyediaan pensanitasi tangan di pintu-pintu masuk utama yang dibenarkan sebelum memasuki premis-premis.

Terdapat juga premis-premis yang diadakan pembersihan termasuk masjid, gerai, tamu dan pasar di seluruh Negara Brunei Darussalam. Pembersihan ini dibuat agar penularan wabak itu

dapat ditangani supaya pengunjung merasa selamat dan selesa untuk berada di tempat tersebut.

Meskipun pengurangan langkah-langkah sekatan dimulakan, orang ramai hendaklah sentiasa menjalankan tanggungjawab sosial masing-masing, iaitu tidak berkumpul atau mengadakan perkumpulan ramai, mengamalkan penjarakan fizikal juga hanya keluar rumah jika perlu, terutamanya bagi mereka yang berisiko tinggi, seperti warga emas dan anak-anak kecil. Jangan kita sesekali hanya mementingkan diri sendiri tambahan apabila pengurangan langkah-langkah sekatan secara berperingkat-peringkat telah dilaksanakan seperti telah dibenarkan untuk makan di restoran, pembukaan gim, beriadah, pembukaan sekolah, perpustakaan, muzium dan sebagainya.

Apabila terjadinya wabak sebegini, orang ramai kini lebih mengambil berat akan penjagaan kesihatan masing-masing dengan kerap mencuci tangan dan memastikan persekitaran mereka sentiasa bersih. Di samping itu, pandemik ini juga berjaya menyatukan perpaduan di kalangan rakyat, di mana individu saling tolol menolong memberikan bantuan tanpa memandang pangkat, rupa dan agama.

Sementara itu, Kebawah DYMM berkenan bertitah berkenaan jangkitan wabak Covid-19 pada 13 April 2020 akan pentingnya kita membaca Surah Yasin selain surah-surah yang lain dalam Al-Quran, "Melalui kesempatan ini, Beta ingin menganjurkan supaya kita sama-sama melazimkan diri membaca Surah Yasin selain surah-surah yang lain dalam al-Quran, kerana Yasin fadilatnya sangat banyak untuk keselamatan kita di dunia dan di akhirat. Insya Allah, dengan berkat Yasin juga, COVID-19 akan berundur meninggalkan kita dan negara".

Oleh itu, kerjasama kesemua masyarakat dan orang ramai untuk sentiasa mematuhi perintah kerajaan sangatlah diharapkan dalam sama-sama bersatu padu mengkekang penularan wabak COVID-19, agar kita akhirnya akan dapat menjalani kehidupan seperti sedia kala dari terus terancam dan negara akan sentiasa terpelihara dan dilindungi oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal 'Alamin.





الله رب العالمين
شَهادَةُ إِيمَانٍ
بِاللّٰهِ وَبِرَسُولِهِ
وَلَا إِلٰهَ إِلَّا هُوَ
أَنْتَ أَنْتَ الْحَقُّ
لَا يُنَزَّلُ مِنْهُ نَصٌّ

Pemedulian terhadap kebajikan, kesejahteraan rakyat

KESEJAHTERAAN dan kebajikan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam sentiasa terjamin dan tidak diabaikan dengan adanya bantuan-bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui pelbagai agensi termasuk kemudahan prasarana fizikal, bantuan kebajikan dan keselamatan sosial.

Rakyat dan penduduk juga disediakan pelbagai kemudahan percuma seperti pendidikan, perkhidmatan perubatan kesihatan dan sebagainya. Bagi mereka yang kurang berkemampuan dan berkeperluan khas pula, Kerajaan telah menyediakan bantuan-bantuan kebajikan yang lain. Pada masa yang sama bantuan-bantuan juga disumbangkan oleh badan-badan berkanun, pihak swasta, organisasi-organisasi bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat umum.

Semua kemudahan dan sumbangan tersebut sangat membantu rakyat jelata terutama golongan yang kurang berkemampuan dan memerlukan termasuk anak-anak yatim, orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal, warga emas, orang yang ditimpah musibah dan lain-lain. Bantuan-bantuan diberikan setiap kali tibanya bulan Ramadan, bulan Syawal dan sebelum musim pertama sekolah bermula, juga semasa berlakunya musibah seperti kebakaran rumah dan bencana alam.

Bantuan COVID-19 Relief Fund

"Bagi tujuan kebajikan juga, Beta telah pun menitahkan Kementerian-Kementerian yang berkenaan untuk bekerjasama dalam membangun Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang akan dilancarkan dalam bulan Julai, insya Allah. Beta sedia memahami, baik sebelum mahupun sesudah tularnya wabak COVID-19, terdapat ramai di kalangan masyarakat yang masih memerlukan bantuan dari pihak Kerajaan. Maka insya Allah, sistem ini nanti akan memudahkan pemohon-pemohon untuk membuat permohonan kepada Kerajaan".

"Sebagai sebuah komuniti,

orang-orang Brunei telah menunjukkan sikap pemedulian yang terpuji dengan menghulurkan sumbangan-sumbangan berupa apa saja untuk membantu Kementerian Kesihatan menangani wabak COVID-19. Dalam hubungan ini, bagi kemudahan orang ramai menyalurkan sumbangan-sumbangan mereka, maka Beta telah memperkenankan bagi diwujudkan satu dana, yang diberi nama COVID-19 Relief Fund. Sumbangan-sumbangan akan digunakan untuk keperluan perubatan menangani wabak".

"Beta dengan tulus ikhlas merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas sumbangan tenaga dan buah fikiran yang dihulurkan oleh semua pihak, termasuk orang-orang persendirian dalam membantu Kerajaan Beta menghadap detik-detik yang mencabar ini. Terutama kepada para barisan hadapan, termasuk sukarelawan (volunteers) yang telah bekerja siang dan malam untuk membantu merawat para pesakit COVID-19 dan mereka yang menjalani kuarantin. Sumbangan mereka ini amat

Beta hargai". - Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada 13 April 2020.

Situasi penularan wabak COVID-19 yang menyerang seluruh dunia pada ketika ini turut melanda di Negara Brunei Darussalam. Wabak jangkitan pandemik berkenaan mula dikesan menjangkiti warga tempatan di negara ini pada 9 Mac 2020 yang lalu.

Berikut dengan beberapa cadangan yang diterima daripada beberapa buah syarikat dan orang awam yang berkeinginan untuk menghulurkan sumbangan secara sukarela bagi membantu pihak kerajaan, khususnya Kementerian Kesihatan membeli peralatan dan barang keperluan dalam membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun mengurniakan titah perkenan bagi kerajaan untuk membuka satu akaun yang digelar COVID-19 Relief Fund bagi membolehkan orang ramai untuk membuat sumbangan dalam membantu menangani penularan COVID-19.

Setentunya dengan adanya sumbangan seperti ini, ia akan dapat membantu pihak kerajaan secara amnya dan Kementerian Kesihatan khasnya untuk menyalurkan barang tersebut kepada pusat-pusat kuarantin di negara ini untuk keperluan sehari-hari dan *frontliners* yang bertugas di pusat-pusat berkenaan.

Pembayaran pencen melalui akaun bank dan drive-thru

Pembayaran pencen perkhidmatan kepada pesara-pesara yang telah bersara 15 tahun ke atas dan pencen turunan (balu serta tanggungan) dibayar melalui bank bermula Mac 2020 bagi mengurangkan risiko perkumpulan sebagai satu langkah berhati-hati dari merebaknya wabak COVID-19 ke atas penerima-penerima pencen yang berusia.

Manakala bagi penerima pencen perkhidmatan dan balu serta tanggungan yang tidak mempunyai akaun bank, pembayaran dibuat secara tunai melalui kaedah *drive-thru*, di tempat-tempat yang diaturkan iaitu di Dewan Perpaduan dan Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) bagi Daerah Brunei dan Muara; di Dewan Persidangan Kuala Belait; di Dewan Kemasyarakatan, Tutong; dan di Pejabat Jabatan Perbendaharaan, Temburong.

Penutup

Rakyat dan penduduk di negara ini setentunya amat bersyukur kerana dapat menikmati keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan hidup. Segala nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala itu menjadikan penduduk di negara ini dapat menjalani kualiti kehidupan yang baik dan selesa. Selain menikmati hasil sumber alam yang begitu banyak, kita juga dikurniakan seorang raja yang bijaksana dan begitu prihatin kepada kebajikan seluruh lapisan rakyat jelata di negara ini. Secara keseluruhan, kehidupan dan kebajikan masyarakat di negara ini terjamin dan tidak diabaikan.

Bersempena dengan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Julai ini, marilah kita sama-sama menyembah tanda kesyukuran dan setinggi-tinggi menjunjung kasih serta ketaatsetiaan yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis baginda yang merupakan seorang raja yang sentiasa mengambil berat dan pemedulian terhadap kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini.



دولت کا وک دولی توان فاتیق

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK



WARGA JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI
MENYEMBAHKAN UCAPAN SELAMAT HARI KEPUTERAAN
KE HADAPAN MAJLIS KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-74 TAHUN